

# **IPT perlu tawar kursus ikut permintaan industri**

Graduan dihasilkan menyumbang keperluan modal insan negara

INSTITUSI pengajian tinggi (IPT) diminta memastikan penawaran kursus relevan dengan keperluan semasa industri serta suntikan elemen *soft-skill* dalam subjek elektif bagi memastikan tahap kebolehpasaran graduan tinggi selepas tamat pengajian.

Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin, berkata rombakan kedua-dua aspek itu perlu mengambil kira perkembangan semasa termasuk iklim pertumbuhan ekonomi negara dan dunia.

Katanya, langkah itu perlu diberi tumpuan bagi memastikan graduan dihasilkan universiti berketerampilan serta menyumbang kepada keperluan modal insan negara.

"Isu *marketability* atau kebolehpasaran graduan lepasan IPT adalah isu penting dalam negara bagi menangani cabaran pertumbuhan modal insan berkualiti.

"Dalam hal ini, Management & Science University (MSU) dan Kumpulan Kolej PTPL antara IPT swasta (IPTS) yang boleh dijadikan contoh kerana kedua-dua institusi ini menawarkan kursus pengajian sesuai dengan keperluan semasa serta mencapai tahap kebolehpasaran graduan tinggi iaitu 95 peratus," katanya dalam ucapan perasmian Seminar Skor A SPM - MSU dan Kumpulan Kolej PTPL peringkat Johor, di Politeknik Johor Bahru, Pasir Gudang, kelmarin.

Teks ucapan beliau dibacakan Setiausaha Politikanya, Mohammad Khairi Abdul Malik.

Hadir sama, Presiden dan Naib Canselor MSU dan Kumpulan Kolej PTPL, Prof Datuk Mohd Shukri Ab Yajid; Timbalan Ketua Pengarah, Sektor Pengurusan Politeknik, Jabatan Pengajian Politeknik dan Kolej Komuniti, Kementerian Pengajian Tinggi, Mokhlis Jaafar; Timbalan Pengarah (Sokongan) Politeknik Johor



**SUNTIK SEMANGAT:** Mohammad Khairi (dua dari kiri) dan Mohd Shukri (tiga dari kiri) bertanya sesuatu kepada beberapa peserta Seminar Skor A SPM selepas melancarkan program berkenaan di Politeknik Johor Bahru, kelmarin.

Bahru, Noraziah Ismail dan Pengarang Pendidikan Berita Harian, Zainor Said.

Seramai 300 pelajar menyertai program dua hari anjuran bersama MSU, Kumpulan Kolej PTPL dan *Berita Harian* menerusi sisipan SKOR itu.

Pelaksanaan program itu bertujuan memberi pendedahan strategi dan teknik menjawab soalan peperiksaan berkesan bagi membantu calon Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) membuat persediaan menghadapi peperiksaan November depan.

Mohamed Khaled berkata, pihaknya menggalakkan lebih banyak IPT swasta menganjurkan usaha meningkatkan kecemerlangan pelajar dalam peperiksaan seperti Seminar Skor A

**FAKTA NOMBOR**

**IPT tempatan**

**81**

Universiti awam, politeknik dan kolej komuniti

---

**524**

IPT swasta

SPM bagi membantu meningkatkan jumlah calon yang layak melanjutkan pengajian ke IPT.

"Difahamkan, setiap tahun lebih 12,000 pelajar seluruh negara menyertai program ini dan saya sangat bangga kerana ia menjurus kepada sasaran untuk meningkatkan peratus pencapaian keseluruhan setiap subjek SPM seperti Bahasa Melayu, Bahasa Inggeri dan Matematik.

"Saya mengalu-alukan usaha IPTS khususnya MSU, Kumpulan Kolej PTPL dan *Berita Harian* dalam meningkatkan pendidikan pelajar sekolah menengah di samping menghasilkan keputusan cemerlang sebagai jaminan untuk melanjutkan pengajian tinggi," katanya.